

**Ahli Parlimen Umno-BN enggan terima memorandum, dakwa Ganyang**  
**Malaysian Insider**  
**Nov 3, 2014**  
**OLEH DIYANA IBRAHIM**

Mahasiswa Ganyang Akta Hasutan (Ganyang) hari ini menyatakan kekecewaan terhadap ahli Parlimen Umno-Barisan Nasional (BN) apabila didakwa enggan menerima memorandum daripada mereka bagi menuntut kebebasan akademik.

Pengasas Ganyang, Andrian Lim Chee En berkata memorandum mereka tidak harus dilihat sebagai tuntutan yang berpihak kepada mana-mana kumpulan atau parti kerana ia lebih memperjuangkan hak pelajar.

"Kami amat kecewa kerana semalam kami sudah menghantar mesej di laman sosial (Twitter) dan hantar pesanan melalui aplikasi Whatsapp, tapi tidak ada jawapan.

"Kami sudah cuba beri kepada ahli Parlimen BN hari ini tapi mereka tidak ambil, dan memanglah ia satu perkara mengecewakan," katanya pada satu sidang media di lobi Parlimen.

Bagaimanapun, memorandum itu akhirnya dapat diserahkan dan diterima ahli Parlimen Pakatan Rakyat (PR).

Antara lain, memorandum tersebut menyatakan solidariti ke atas 9 pelajar Universiti Malaya yang didakwa mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Auku) susulan tindakan mereka melanggar arahan pengurusan universiti dengan membabitkan diri dalam program '40 tahun: Dari Universiti Malaya ke Penjara'.

Beliau berkata dalam memorandum tersebut, Ganyang menggesa semua dakwaan terhadap 9 pelajar itu digugurkan.

Antara ahli Parlimen PR yang menerima memorandum tersebut adalah Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin, Ahli Parlimen Bukit Katil Shamsul Iskandar Mohd Akin dan Ahli Parlimen Bukit Bendera Zairil Khir Johari.

Andrian berkata, Ganyang juga menuntut agar Auku dihapuskan kerana undang-undang tersebut digunakan sebagai alat mendiamkan pelajar yang lantang bersuara.

"Kita mahu Auku ini dihapuskan kerana ia bukan sahaja menjejaskan pelajar IPTA namun di IPTS juga terkesan.

"Auku sekali lagi digunakan bagi mendiamkan pelajar bersuara lantang, ini kami tidak akan bertoleransi," katanya.

Selain itu, Ganyang yang terdiri daripada 18 persatuan mahasiswa turut menggesa pelajar diberi kuasa autonomi sepenuhnya.

"Ini merupakan masa bagi kami menuntut semula kuasa autonomi diberikan kembali kepada pelajar.

"Kita mahu kesatuan mahasiswa yang dulunya dihapuskan, dilaksanakan semula menggantikan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP)," katanya. – 3 November, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mp-umno-bn-enggan-terima-memorandum-dakwa-ganyang#sthash.xjZ5F2fq.dpuf> :